



RAWATAN TB yang tidak sempurna boleh membawa maut.

Oleh SHAFINAZ SHEIKH MAZKAN

Bahagian 1

BEBERAPA minggu kebelakangan ini, Zali berasakan badannya kurang enak. Dia mengalami batuk yang lama dan tidak sembuh-sembuh, demam, berpeluh pada waktu malam sekalipun dalam cuaca yang sejuk, hilang selera makan, berat badan merosot dan tidak bermaya.

Isteri: Abang, saya rasa lebih baik kita ke klinik berjumpa doktor.

(Di klinik, jururawat meminta Zali batuk ke dalam sebuah bekas kecil. Dia mengambil tiga sampel dan menghantarnya ke makmal untuk diuji. Zali disahkan menghidap tuberkulosis atau TB atau batuk kering).

Jururawat: Sesiapa sahaja boleh dijangkiti oleh TB. Anda mendapatnya dengan cara menghirup kuman-kuman yang dilepaskan ke udara oleh individu yang telah dijangkiti.

Anda hendaklah menutup hidung dan mulut semasa bersin atau batuk bagi mengelakkannya daripada merebak kepada orang lain pula. Sila bawa keluarga anda ke klinik untuk diperiksa.

Sempena Hari Tuberkulosis Sedunia pada 24 Mac 2007

Mingguan M'ia m/s 25.25.3.07

TB @ batuk kering ada di mana-mana

Zali telah sembuh. Dia bersyukur kepada Tuhan. Keluarganya menerima khabar itu dengan hati yang lega dan gembira).

Zali: Saya bersyukur akhirnya pulih dari TB. Terima kasih Yati atas segala bantuan dan sokongan yang telah anda berikan sepanjang tempoh rawatan. Kini tibalah giliran saya pula untuk menabur bakti, membantu para pesakit TB lain. Bolehkah saya menjadi penyokong rawatan seperti anda?

Yati: Besar tapak tangan, nyiru kami tadahkan. Kami berbesar hati menerima pertolongan anda dalam usaha menentang TB

kan 24 Mac setiap tahun sebagai Hari TB Sedunia bagi mengingati penemuan kuman TB oleh Dr. Robert Koch di Berlin, pada tanggal yang sama tahun 1882 dengan harapan dapat meningkatkan kesedaran tentang gejala, diagnosis dan rawatan TB serta kepentingan kawalan TB yang berkesan.

TB Di Mana-Mana diangkat sebagai tema bagi tahun 2007 dengan matlamat memperbetulkan salah tanggapan umum tentang TB. Ia bukan penyakit pada era lepas dan bukan juga masalah orang-orang miskin sahaja.

batuk dan mengalami penurunan berat badan.

Lain-lain gejala adalah sakit dada, kahak berdarah, demam dan berpeluh pada waktu malam.

TB pada lain-lain anggota tubuh selain paru-paru boleh mencetuskan sensasi kesakitan mengikut di mana letaknya TB itu, bersama-sama berat badan yang menurun.

Jika anda mengesyaki mempunyai simptom-simptom yang telah disebutkan di atas, segeralah mendapatkan nasihat doktor.

(Jurawat merawat Zali ke unit rawatan berhampiran dengan rumahnya. Zali diberitahu dia perlu mengambil empat jenis ubat setiap hari selama dua bulan dan kemudiannya dua jenis ubat setiap hari pada empat bulan berikutnya. Memandangkan dia tinggal agak jauh dari klinik, Yati, juga dari kampung yang sama dengannya, menjadi penyokong rawatannya).

Yati: Zali, kita perlu berjumpa setiap hari bagi memastikan anda mengambil ubat seperti yang telah ditetapkan.

(Yati meminta Zali membawa kedua-dua orang anaknya yang berusia 5 dan 7 tahun, isteri dan ibunya ke klinik untuk diuji TB. Mujurlah, tiada seorang pun daripada mereka yang positif. Bagaimanapun, anak perempuannya diberikan isoniazid setiap hari bagi tempoh enam bulan bagi mencegahnya daripada mendapat penyakit tersebut. Usianya yang terlalu muda meletakkannya sebagai berisiko tinggi untuk dijangkiti.)

Kepentingan menghabiskan rawatan

Zali: Saya rasa bertambah sihat sekarang. Bolehkah saya berhenti mengambil ubat?

Yati: Tidak boleh. Adalah sangat penting bagi anda untuk menghabiskan keseluruhan rawatan yang telah diatur. Jika tidak, penyakit TB yang anda hidapi itu tidak dapat disembuhkan lagi kerana bakteria menjadi kebal terhadap ubat.

Anda berisiko tinggi menyebarkan TB kepada ahli keluarga anda yang lain serta seluruh komuniti jika tidak menghabiskan kesemua rawatan.

(Pada suatu hari, Zali memaklumkan kepada Yati tentang loya dan muntah yang dialaminya).

Yati: Jangan bimbang. Ia merupakan kesan sampingan normal dari ubat yang sedang anda terima. Mulai sekarang, cuba bawa sedikit makanan atau bubur untuk anda makan setiap kali mengambil ubat. Ini boleh membantu.

(Yati mengingatkan Zali bahawa dia perlu datang ke klinik untuk menjalani pemeriksaan kahak selepas enam bulan. Ujian negatif.

ngan anda dalam usaha menentang TB.

Anda boleh hadir ke pusat-pusat kesihatan awam atau mana-mana klinik untuk mempelajari kaedah menjadi penyokong rawatan.

Zali kini merupakan penyokong rawatan kepada Aswad. Sebagai penyokong rawatan, Zali hendaklah memerhatikan Aswad mengambil ubat TB yang betul, menandakan kad rawatan TB selepas Aswad memakan ubatnya serta menggalakkan Aswad untuk terus datang menjalani rawatan TB.

Selain itu, Zali juga perlu memastikan bekalan ubat Aswad tidak putus. Zali perlu mengambil ubat daripada pusat kesihatan di daerahnya. Zali bertanggungjawab merujuk Aswad ke pusat kesihatan sekiranya dia mengalami sebarang masalah serta memastikan Aswad datang mendapatkan rawatan susulan.

Meraikan Hari TB Sedunia

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menetapkan



TITISAN halus mengandungi kuman TB akan disedut oleh mangsa baru.

GRANULOMA jisim tisu granulasi yang dihasilkan sebagai gerak balas kepada jangkitan kronik.



Apa yang anda perlu tahu tentang TB

Saban tahun, TB menjangkiti jutaan manusia di dunia. Berikut adalah fakta-fakta asas yang penting diketahui oleh setiap orang mengenai penyakit yang boleh diubati ini.

Apa itu TB

TB adalah sejenis penyakit sebaran udara yang disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium tuberculosis* berbentuk rod bulat panjang. Penyakit ini boleh dicegah dan diubati.

Bagaimanakah ia merebak?

TB disebarkan melalui titisan udara setiap kali seseorang pesakit yang telah dijangkiti kuman ini bersin, batuk, bercakap, meludah dan sebagainya – pada dasarnya melalui sebarang cara di mana lembapan dilepaskan daripada seseorang, ke udara dan kemudiannya dihirup orang lain.

Titisan halus itu boleh terapung-apung dalam tempoh yang panjang, sehingga enam jam lamanya.

Bagaimana TB menjejaskan tubuh?

Lazimnya, kebanyakan TB menjangkiti paru-paru tetapi ia juga boleh menjangkiti bahagian-bahagian tubuh yang lain.

Apakah simptom-simpptomnya?

Simptom yang perlu dibekalkan perhatian termasuklah batuk yang berlanjutan lebih dua hingga tiga minggu, menghasilkan kahak apabila

Apakah yang akan berlaku sekiranya saya disahkan menghidap TB?

Sekira anda didiagnosis dengan TB, usah bimbang! TB boleh dirawat dan jutaan manusia di segenap dunia sudah berjaya pulih sepenuhnya daripada penyakit ini.

Tetapi, jika anda sakit, ingatlah untuk menutup mulut dan hidung semasa batuk atau bersin bagi mengelakkan penularan jangkitan kepada orang lain.

Banyakkan berehat, makan makanan yang sihat dan maklumkan kepada kaum keluarga serta rakan-rakan tentang penyakit yang anda hidapi serta rawatan yang sedang di terima.

Apakah yang boleh saya lakukan untuk sembuh?

Paling penting, patuh pada arahan ubat TB sebagaimana yang dipreskripsi oleh doktor anda. Setelah selesai mengambil semua ubat, periksa dengan doktor anda sama ada anda telah pulih sepenuhnya ataupun tidak.

Kenapakah penting bagi pesakit untuk menghabiskan ubat-ubatannya sebagaimana yang telah ditetapkan?

Sekalipun anda mungkin berasa semakin sihat, teruskan mengambil ubat sehingga penyakit anda benar-benar telah sembuh.

Sekiranya anda berhenti mengambil ubat sebelum masa yang ditetapkan, akibatnya bakteria TB boleh menjadi bertambah kuat, sekali gus menyebabkan pesakit mengalami rintangan ubat TB.

Rintangan ubat TB akan merebak secara berterusan dan bertambah sukar untuk dirawat, seterusnya menjadi lebih berbahaya dan cenderung menyebabkan kematian.

Bagaimana dengan HIV dan TB?

Jika gagal dikesan, TB yang menyerang penghidap HIV boleh menyebabkan kematian dalam masa beberapa minggu sahaja. Sekiranya anda positif HIV atau anda fikir anda positif HIV, adalah penting bagi anda untuk mendapatkan pemeriksaan TB. Ia boleh menyelamatkan nyawa!